AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MUKA DUA

*Penularan COVID-19*



*Dr Noor Azmi mengibar Jalur Gemilang ketika merasmikan Program Ride Merdeka dan Hari Malaysia Parlimen Bagan Serai di Selinsing, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Kenal pasti tahap murung petugas barisan hadapan

## KKM laksana ujian saringan psikososial impak tugasan lawan pandemik

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

**Bagan Serai:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan ujian saringan psikososial untuk petugas kesihatan dan anggota barisan hadapan bagi mengenal pasti sama ada mereka mengalami kemurungan kesan tugasan melawan pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata sekiranya ada petugas kesihatan dan barisan hadapan dikesan mengalami kemurungan serius kesan tugasan berkenaan, mereka akan segera dirujuk kepada pakar berkaitan.

Selain petugas KKM, katanya, ujian saringan Tekanan, Kebimbangan Melampau dan Kemurungan (DASS) itu turut membabitkan kakitangan pelbagai agensi berkaitan, antaranya anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertujuan mengetahui tahap tekanan serta kebimbangan mereka.

"Ujian juga dibuat ke atas petugas yang mempunyai keluarga positif jangkitan wabak itu. DASS mempunyai 22 soalan perlu dijawab bagi mengetahui tahap kemurungan. Mereka yang mempunyai kemurungan serius akan dirujuk kepada pakar perubatan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Serai berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Ride Merdeka dan Hari Malaysia Parlimen Bagan Serai di Selinsing, di sini, semalam.

Katanya, menyedari pandemik COVID-19 memberi kesan negatif kepada rakyat seperti kehilangan pekerjaan, pendapatan, perselisihan dalam keluarga, penderaan dan sebagainya, kerajaan giat menambah pakar psikiatri dan psikososial.

"Kementerian juga mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) sebagai satu antara usaha jangka panjang untuk mengurangkan kadar kemurungan di negara ini," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, Tinjauan Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan 2019 mendapati 2.3 peratus atau 500,000 rakyat negara ini mengalami kemurungan dengan Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 5.4 peratus.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat yang menghadapi kemurungan supaya mendapatkan rawatan di Pusat MENTARI di semua negeri.

Pada Mei lalu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) khuatir penularan COVID-19 berisiko mencetuskan krisis kesihatan mental global, sekali gus menggesa tindakan segera diambil bagi menangani penderitaan psikologi yang ditimbulkan pandemik itu.

Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres dilaporkan berkata, walaupun perlindungan kesihatan fizikal menjadi perhatian utama ketika ini, PBB juga memberi amaran wabak berbahaya itu juga menyebabkan tekanan mental membabitkan sejumlah besar penduduk dunia.

Pandemik itu memberi kesan psikologi ke atas sebilangan besar orang yang kehilangan atau berisiko kehilangan mata pencarian, terpisah daripada orang tersayang atau menderita di bawah perintah kawalan pergerakan yang mendadak.

PBB menekankan pelbagai kajian menunjukkan tekanan mental sedang meningkat dengan cepat, sekali gus memerlukan semua negara menyediakan akses kepada sokongan psikososial dan penjagaan mental kecemasan dalam semua aspek tindak balas terhadap pandemik berkenaan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kesihatan Mental Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Devora Kestel pula dilaporkan berkata, pekerja jagaan kesihatan dan responden pertama yang beroperasi di bawah 'tekanan luar biasa' adalah kumpulan yang sangat terdedah kepada risiko mengalami kemurungan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL



*Penularan COVID-19*

# Kluster Ara dikesan di Pulau Pinang

## Dua individu dijangkiti, KKM jalankan saringan kontak

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mengesan satu lagi kluster baharu di Pulau Pinang dikenali sebagai Kluster Ara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga kini kluster berkenaan sudah menjangkiti dua individu.

Beliau berkata, Kluster Ara dikesan apabila kes indeks iaitu kes ke-10,024 yang juga seorang lelaki berumur 44 tahun warga Malaysia dikesan positif ketika saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Sandakan, Sabah pada 15 September lalu, berikutan kedatangan kes dari Semenanjung.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan satu kes positif COVID-19 dikenal pasti. Kes positif ini iaitu kes ke-10,217 ialah anak saudara kepada kes indeks.

"Kes 10,217 dikesan positif semalam (kelmarin) dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 16 individu disaring dan 14 daripadanya mendapat keputusan negatif.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan sudah dijalankan di lokasi terbabit. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.




Sementara itu, Dr Noor Hisham, berkata sebanyak 52 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, membabitkan 40 kes tempatan dan 12 kes import.

Beliau berkata, kes penularan tempatan paling tinggi dikesan di Sabah iaitu 36 kes termasuk 27 kes dalam Kluster Benteng Lahad Datu (LD).

Katanya, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di negara ini sebanyak 10,219 dengan 734 kes aktif.

"Selain 27 kes dalam Kluster Benteng, dua kes lagi masing-masing dikesan dalam Kluster Selamat dan saringan petugas kesihatan di Hospital Lahad Datu, manakala satu kes masing-masing dalam Kluster Pulau, Kluster Bakau, saringan komuniti Semporna, saringan prapembedahan di Hospital Lahad Datu dan saringan sebelum masuk kerja.

"Sehingga kini seramai 10 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Selain itu, tiga kes penularan tempatan turut dikesan di Kedah iaitu ketika saringan komuniti di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Daerah Kota Setar dan satu kes di Pulau Pinang dalam Kluster Ara.

Bagi kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara pula, lapan kes dikesan daripada individu yang pulang dari India dan masing-masing satu kes dari Indonesia, Bangladesh dan Russia.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 40 kes sembuh dan dibenarkan pulang. Ia menjadikan jumlah kes sembuh di negara ini sebanyak 9,355 kes bersamaan 91.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian disebabkan COVID-19 semalam dan jumlahnya kekal 130 kes atau 1.27 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengulas status terkini empat kluster yang masih aktif di Sabah, Dr Noor Hisham berkata, semua kluster terbabit ada pertambahan kes baharu dan Kluster Benteng masih menjadi kluster terbesar dengan 578 kes positif COVID-19.




***KMC dibuka semula** selepas pusat perubatan laksana proses pembersihan dan sanitasi menyeluruh.*

# Kedah Medical Centre beroperasi semula

**Alor Setar:** Kedah Medical Centre (KMC) kembali beroperasi semalam, selepas menangguhkan semua perkhidmatan kecuali rawatan hemodialisis sejak 10 September lalu, susulan kes jangkitan COVID-19 dikesan di satu daripada bahagian perkhidmatan pusat perubatan swasta itu.

Pengarah Perubatan KMC, Datuk Dr Kamaruzzaman Ali, berkata semua perkhidmatan termasuk unit kemalangan dan kecemasan, klinik pesakit luar, bilik pembedahan dan kemasukan pesakit ke wad kini beroperasi seperti biasa.

Beliau berkata, semua operasi dibuka semula selepas pusat perubatan itu melaksanakan proses pembersihan dan sanitasi secara menyeluruh.

"Pembukaan semula hospital ini mendapat kelulusan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah berdasarkan proses pembersihan diselesaikan selaras garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Dr Kamaruzzaman berkata, sebanyak 636 petugas, perunding perubatan dan pekerja khidmat luaran disaring serta disahkan bebas daripada jangkitan dan kembali bertugas.

Beliau berkata, ujian sampel persekitaran diambil dari 50 kawasan hospital menunjukkan hasil negatif dan tidak ada kesan jangkitan.

"Pengesanan awal kes COVID-19 hanya membabitkan bilik pembedahan dan tidak ada penularan jangkitan ke bahagian lain," katanya.

Sementara itu, beliau menasihatkan pesakit membuat janji temu untuk rawatan atau rundingan dengan klinik pakar di hospital berkenaan.

Selain itu, katanya, pesakit juga boleh mendapatkan bekalan ubat melalui perkhidmatan penghantaran rumah dengan menghubungi talian 011-13348280 dari jam 9 pagi hingga jam 5 petang.

BERNAMA

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 19**
**RUANGAN : NASIONAL**



# Bilik stor HKL terbakar



## Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, pesakit dipindah ke kawasan lapang

**Kuala Lumpur:** Stor menyimpan fail di tingkat empat Hospital Kuala Lumpur (HKL) terbakar malam kelmarin, sehingga menyebabkan beberapa pesakit terpaksa dipindahkan ke kawasan lapang.

Komander Operasi Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Hamzah Mohd Isa, berkata pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 11.07 malam dan bergegas ke tempat kejadian dengan sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Titiwangsa serta pasukan forensik dengan kekuatan lapan anggota.

"Setibanya jentera di lokasi didapati kebakaran membabitkan stor menyimpan fail berkeluasan 8 x12 kaki persegi. Kemusnahan dianggarkan 10 peratus, namun tidak membabitkan mangsa," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kebakaran berjaya dikawal pada jam 11.35 malam dan punca kejadian masih dalam siasatan.

Tinjauan di lokasi kejadian mendapati beberapa pesakit dipindahkan ke kawasan lapang bagi mengelakkan berlaku kejadian tidak diingini.

Sehingga jam 1.10 pagi semalam, pesakit sudah kembali ke wad masing-masing, selepas pasukan bomba dan penyelamat selesai menjalankan siasatan di lokasi kejadian.

Sementara itu, Pengarah HKL, Datuk Dr Heric Corray, berkata operasi hospital itu tidak terjejas dan berjalan seperti biasa.

Beliau dalam satu kenyataan berkata, cawangan Forensik JBPM yang menjalankan siasatan mendapati api berjaya dipadamkan sepenuhnya dan pesakit serta petugas selamat untuk kembali ke wad masing-masing pada jam 12.48 tengah malam kelmarin.



Dr Heric Corray

"Sebaik sahaja diisytiharkan selamat, pesakit dipindah semula ke wad masing-masing yang selesai pada jam 2 pagi. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak JBPM dan pihak HKL akan dimaklumkan punca kejadian selepas siasatan selesai," katanya semalam.

Dr Corray berkata, dalam kejadian pada jam 11 malam kelmarin, tiada sebarang kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan dan kejadian itu disedari apabila bilik kawalan dan pusat panggilan hospital dimaklumkan mengenai bunyi penggera kebakaran yang dikesan daripada alat pengesan asap dan pihak bomba juga turut dihubungi pada jam 11.07 malam.

Beliau berkata, api berjaya dipadamkan oleh petugas hospital dengan menggunakan alat pemadam api dan hos air pada jam 11.20 malam sebelum pihak bomba tiba di lokasi kejadian.

Namun, sebelum itu, katanya, beberapa wad sudah dikosongkan dan pesakit dikeluarkan untuk tujuan keselamatan.

BERNAMA



*Situasi di Hospital Kuala Lumpur selepas stor menyimpan fail di tingkat empat terbakar malam kelmarin sehingga menyebabkan pesakit dipindahkan ke kawasan lapang.* (Foto ihsan pembaca)

# 46 hospital dikenal pasti berisiko tinggi

**Kuala Lumpur:** Lebih daripada 25 kes kebakaran membabitkan hospital di negara ini dilaporkan sejak 1990-an hingga hari ini.

Terbaru, stor menyimpan fail di tingkat empat Hospital Kuala Lumpur (HKL) terbakar malam kelmarin.

Dalam kejadian 11 malam itu, tiada sebarang kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan berlaku.

Sementara itu, memetik kata dua bekas menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Datuk Seri Dr S Subramaniam yang pernah menerajui Kementerian Kesihatan dianggarkan sekurang-kurangnya 46 hospital berusia lebih 50 tahun di seluruh negara dikenal pasti berisiko tinggi berdepan dengan kejadian, terutama kebakaran.

Berikut adalah kronologi kebakaran hospital di negara ini:

**Kuala Lumpur**

18 Mac 2018 - Kebakaran di stor Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) HKL.

**Sarawak**

23 Julai 2012 - Kebakaran longgokan kain di stor Pusat Perubatan Pakar Columbia, Miri.
25 Mac 2013 - Kebakaran di kawasan terowong Hospital Umum Sarawak (HUS), Kuching
27 Mei 2013 - Kebakaran peralatan gamma di Unit Perubatan Nuklear HUS, Kuching
17 Julai 2013 - Kemunculan asap dari 'boiler' mencetuskan suasana panik di HUS, Kuching
15 Februari 2014 - Sebuah blok dalam pembinaan terbakar di HUS, Kuching
7 Januari 2015 - Kejadian litar pintas di Pusat Perubatan Pakar

**Sibu**

5 Februari 2015 - Kebakaran tingkat satu, Pusat Perubatan Timberland, Kuching
18 Mei 2015 - Sebuah ambulans milik Hospital Sri Aman tiba-tiba terbakar ketika di simpang jalan masuk Jabatan Meteorologi Sri Aman pada jam 1 .30 petang.
19 Julai 2016 - Kejadian litar pintas di Hospital Lundu
25 Mac 2020 -Kebakaran babitkan water pump di luar bangunan Hospital Lundu yang digunakan untuk menyalurkan air ke bilik wad hospital itu.

**Sabah**

11 Julai 2016 - Seramai 28 pesakit Hospital Pakar KPJ Sabah dipindahkan di Hospital Pakar Damai KPJ Kota Kinabalu selepas bomba mengarahkan bangunan dikosongkan berikutan asap tebal akibat kebakaran bilik suis utama hospital itu. Tiada kemalangan atau kecederaan dilaporkan.

**Negeri Sembilan**

16 Mei 2015 - Sebuah wad kosong di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) terbakar.
7 September 2012 - Suis utama Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Port Dickson (HPD) terbakar berpunca daripada bebanan tinggi yang dihadapi selepas hospital di naik taraf sebagai hospital pakar.
13 Mei 2009 - Bilik rehat doktor di sebuah wad Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS), terbakar, dipercayai berpunca akibat kerosakan alat pendingin hawa dalam bilik itu.
20 September 1993 - Klinik Pakar Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS terbakar.

**Melaka**

5 Januari 1996 - Tingkat dua sebuah bangunan di Hospital Melaka terbakar.

**Terengganu**

1996 - Satu daripada 13 Dewan Bedah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu mengalami kebakaran kecil selepas alat mesin bius meletup. Bagaimanapun, ia tidak babitkan pesakit dan kebakaran berjaya dipadamkan kakitangan.

**Selangor**

15 Ogos 2016 - Stor di tingkat sembilan Pusat Perubatan Pakar Sri Kota, hangus dalam kebakaran kira-kira jam 10.30 pagi.
27 Mei 2015 - Wad tingkat tujuh Hospital Tengku Ampuah Rahimah (HTAR) terbakar pada jam 4.30 petang. Kebakaran bermula daripada suis saluran oksigen dan soket elektrik
15 Jun 2010 - Bilik punca kuasa tidak terganggu (UPS) bertingkat di tingkat tiga bangunan utama HTAR terbakar kira-kira jam 5.30 petang. Tingkat tiga bangunan hospital itu menempatkan wad kanak-kanak serta wad pesakit Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

**Johor**

25 Oktober 2016 - Seramai enam pesakit terdiri daripada empat wanita dan dua lelaki maut, manakala seorang lagi terselamat dalam kebakaran di tingkat dua Unit Rawatan Rapi (ICU) selatan Hospital Sultanah Aminah (HSA).
28 Jun 2020 - Wad Perubatan Perempuan Hospital Sultanah Aminah (HSA) terbakar kira-kira jam 3 petang.

**Kelantan**

17 Oktober 2019 - Wad Bersalin Hospital Tanah Merah dipenuhi asap selepas sistem UPS di bangunan itu terbakar.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

# Kes wabak denggi di Johor amat membimbangkan

**Johor Bahru:** Johor mencatatkan situasi wabak denggi amat membimbangkan apabila 8,707 kes denggi dilaporkan sehingga minggu lalu.

Pengarah Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu, berkata ia peningkatan 6.2 peratus kes berbanding tempoh sama tahun lalu yang hanya mencatatkan 8,200 kes.

Katanya, kes kematian akibat wabak itu juga meningkat kepada 32 kes kematian berbanding 21 kes pada tempoh sama tahun lalu.

"Dalam mencapai matlamat Johor Perangi Denggi 2020, iaitu menurunkan kadar kes denggi, pelbagai usaha dijalankan untuk memastikan masyarakat peka dan bertanggungjawab menghentikan penularan denggi.

"Ia termasuk pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI), iaitu aktiviti utama yang dijalankan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

"OPPI adalah operasi bersepadu yang membabitkan agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975.

"Sekiranya ada atau dijumpai pembiakan jentik-jentik di premis kediaman, maka kompaun RM500 akan dikenakan serta-merta dan sekiranya gagal membayar kompaun, boleh didenda di mahkamah maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Aman berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengadakan aktiviti OPPI di kawasan wabak denggi Bandar Baru Uda (BBU), kelmarin.

"Faktor utama kawasan ini dipilih adalah kerana kurang kerjasama penduduk membenarkan premis mereka dimasuki untuk dibuat pemeriksaan tempat pembiakan aedes.

"Sejak 1 Januari sehingga 12 September sebanyak 156 kes denggi dilaporkan daripada kawasan BBU. Sebanyak 1,014 premis diperiksa ketika operasi ini dan daripada jumlah itu 14 (1.3 peratus) premis didapati mempunyai bekas pembiakan jentik-jentik," katanya.

Beliau berkata, di persekitaran awam pula, sebanyak 26 tempat pembiakan ditemui antaranya di bekas plastik dan pasu bunga yang terbiar.

Katanya, dalam mencegah denggi, masyarakat perlu memainkan peranan aktif bagi mencari dan memusnahkan tempat takungan di kediaman mereka yang boleh menjadi pembiakan aedes, termasuk penjagaan kebersihan persekitaran dan pembuangan sampah secara teratur.

"Sekiranya ada ahli keluarga demam dapatkan rawatan segera. Masyarakat juga harus beri kerjasama kepada petugas kesihatan yang melakukan pemeriksaan atau semburan kabus, terutama di kawasan kes denggi," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Elak kebakaran seperti di HKL kelmarin

# Usah lengah baik pulih hospital usang

**Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan NURAINA HANIS ABD. HALIM**
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan perlu melaksanakan segera penambahbaikkan hospital usang dan daif atau berdepan risiko kebakaran yang lebih teruk pada masa depan.

Perkara itu ditegaskan Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat (Ikatan) Tan Sri Lee Lam Thye yang menyifatkan isu hospital usang sebagai serius dan perlu dititikberatkan Kementerian Kesihatan.

Selain itu, katanya, kerajaan perlu menyediakan peruntukan khas bagi memastikan keselamatan pesakit di hospital.

"Seperti yang kita tahu ada banyak hospital usang perlu diberi perhatian terutama dalam aspek penyelenggaraan membabitkan pendawaian elektrik," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kebakaran membabitkan hospital usang pernah dilaporkan sebelum ini termasuk kejadian terbaru di Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.



LEE LAM THYE

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, sekurang-kurangnya 46 hospital berusia lebih 50 tahun di seluruh negara dikenal pasti sebagai daif dan 'uzur' yang berisiko jika berlaku kejadian tidak diingini terutama kebakaran.

Sementara itu, kebakaran stor penyimpanan fail HKL semalam dipercayai berpunca daripada sistem pendawaian.

Menurut sumber jabatan bomba dan penyelamat, siasatan awal mendapati wayar yang disambung ke kipas ekzos bilik tersebut bermasalah sehingga mengeluarkan haba sebelum terbakar.

"Bagaimanapun, ia siasatan awal. Kita perlu menunggu keputusan sampel yang dianalisis.

"Pihak forensik juga berada di lokasi kejadian untuk menyiasat kemungkinan-kemungkinan lain," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Datuk Dr. Heric Corray berkata, kejadian tersebut tidak menjejaskan perkhidmatan HKL.

Menurutnya, kejadian kebakaran disedari apabila Bilik Kawalan dan Pusat Panggilan Hospital dimaklumkan mengenai bunyi penggera kebakaran yang dikesan daripada alat pengesan asap.

"Semasa kebakaran, beberapa wad berdekatan dikosongkan dan pesakit dikeluarkan untuk tujuan keselamatan. Cawangan Forensik dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) menjalankan siasatan selepas api dipadamkan sebelum mengisytiharkan api dipadamkan sepenuhnya.

"Pesakit serta petugas kembali ke wad masing-masing pada pukul 12.48 tengah malam selepas keadaan selamat," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI



# Satu lagi kluster baharu di P. Pinang

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu lagi kluster baharu iaitu Kluster Ara di Pulau Pinang yang menyumbang kepada pertambahan dua kes dikesan positif Covid-19.

Kes indeks kluster itu adalah seorang lelaki berumur 44 tahun yang merupakan rakyat tempatan (kes ke-10,024) yang dikesan positif melalui saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Sandakan, Sabah pada 15 September lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan satu kes positif Covid-19 dikenal pasti daripada kes indeks tersebut.


NOOR HISHAM ABDULLAH

"Kes positif ini (kes ke-10,217) merupakan merupakan anak saudara kepada kes indeks (kes ke-10,024). Dia dikesan positif Covid-19 semalam dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan.

"Sehingga pukul 12 tengah hari ini, sejumlah 16 individu disaring dengan dua daripadanya dikesan positif Covid-19 manakala 14 yang lain pula dikesan negatif.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan dijalankan di lokasi-lokasi yang terlibat. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya mengenai perkembangan terkini kes Covid-19 di sini semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham, sebanyak 52 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan dengan jumlah kes positif Covid-19 adalah sebanyak 10,219 kes sekali gus menjadikan kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 734 kes.

Katanya, 12 kes daripadanya adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga rakyat tempatan dan sembilan bukan warganegara dari India (8); Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing (3); Labuan (2) dan Indonesia, Bangladesh, Yaman serta Rusia masing-masing satu kes.

Beliau berkata, daripada 40 kes penularan di dalam negara, 26 kes adalah rakyat tempatan dan 14 kes melibatkan bukan warganegara.

"Di Sabah berlaku 36 kes dengan 27 kes daripada Kluster Benteng Lahad Datu yang melibatkan 15 rakyat tempatan dan 12 bukan warganegara manakala, dua kes daripada Kluster Selamat yang melibatkan dua warganegara.

"Bagi Kluster Pulau, Kluster Bakau dan saringan komuniti Semporna masing-masing melibatkan satu kes dan seorang rakyat tempatan. Satu kes saringan prapembedahan di Hospital Lahad Datu yang melibatkan seorang bukan warganegara; satu kes saringan sebelum masuk kerja yang melibatkan seorang bukan warganegara dan dua kes saringan petugas kesihatan di Hospital Lahad Datu yang melibatkan dua rakyat tempatan," katanya.

Jelasnya di Kedah, tiga kes saringan komuniti di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan secara Pentadbiran (Temco) di Kota Setar yang melibatkan tiga rakyat tempatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

10 UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 21 SEPTEMBER 2020
Dalam Negeri



NOOR Azmi Ghazali bersama peserta Ride Merdeka di Simpang Empat Semanggol, Bagan Serai, semalam.

# Kemurungan barisan hadapan akan diatasi

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

**BAGAN SERAI:** Kementerian Kesihatan berusaha menangani masalah kemurungan yang dipetugas barisan hadapan dan rakyat yang terkesan akibat wabak Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, usaha dilakukan dengan membuat saringan terhadap masalah yang dialami dalam kalangan petugas kesihatan, anggota polis, tentera dan lain-lain perkhidmatan yang terlibat di barisan hadapan menangani wabak Covid-19.

Menurutnya, kemurungan banyak berlaku ketika penularan wabak Covid-19 sehingga ada ketua keluarga kehilangan pekerjaan, perselisihan dalam keluarga dan sebagainya.

"Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kes-kes kemurungan yang berlaku di negara ini. Kita juga membuat saringan masalah kemurungan ini terutamanya barisan hadapan, mereka yang serius akan dirujuk kepada pakar.

"Kerajaan amat mengambil berat tentang perkara ini sebabnya ketika pandemik ini ramai orang hilang kerja, hilang pendapatan, berlaku pergaduhan dalam keluarga, penderaan terhadap wanita dan sebagainya yang menyebabkan kemurungan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Ride Merdeka dan Hari Malaysia Parlimen Bagan Serai di Dewan Taman Seri Selinsing, Simpang Empat Semanggol di sini semalam.

Menurut Dr. Noor Azmi, kerajaan juga akan menambah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) di seluruh negara.

Beliau berkata, Mentari berfungsi sebagai pusat penjagaan dalam komuniti dengan menyediakan khidmat saringan, diagnosis, rawatan dan pemulihan kepada mereka yang berhadapan dengan isu kesihatan mental.

"Kerajaan akan menambah pakar psikiatri dan pakar psikososial dalam jangka masa panjang bagi membantu usaha menangani masalah tersebut," katanya.

Menurutnya, tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 mendapati masalah kemurungan dan kesihatan mental di negara ini sebanyak 2.3 peratus dalam kalangan rakyat atau melibatkan kira-kira 500,000 orang.

"Lima negeri tertinggi mencatat kemurungan dalam kalangan penduduknya ialah Putrajaya 5.4 peratus, Negeri Sembilan 5.0 peratus, Perlis 4.3 peratus, Sabah 4.0 peratus serta Melaka 3.8 peratus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kes denggi di Johor membimbangkan

Oleh KHAIRUL MOHD ALI
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Kes kematian akibat denggi di negeri ini menunjukkan trend peningkatan walaupun setakat ini mengekalkan zon hijau dengan tiada kes penularan Covid-19.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Aman Rabu berkata, sehingga 12 September lepas, Johor merekodkan sebanyak 32 kes kematian berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Sehingga tempoh itu, sebanyak 8,707 kes denggi dilaporkan di negeri ini iaitu peningkatan sebanyak 6.2 peratus kes dalam tempoh sama tahun lalu iaitu 8,200 kes.

"Kematian akibat denggi turut meningkat tahun ini iaitu sebanyak 32 kematian berbanding 21 kematian tahun lalu," katanya di sini semalam.



DR. AMAN RABU

Dr. Aman berkata, dalam usaha mengekang penularan denggi, kerajaan negeri menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI).

Katanya, OPPI adalah aktiviti utama yang dijalankan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan membabitkan kerjasama pihak berkuasa tempatan, polis serta SWCorp.

"Semalam, JKNJ mengadakan aktiviti OPPI di kawasan wabak denggi Bandar Baru Uda yang dipilih kerana kurangnya kerjasama penduduk yang membenarkan premis mereka dimasuki untuk dibuat pemeriksaan tempat pembiakan Aedes.

"Sejak 1 Januari sehingga 12 September lalu, sebanyak 156 kes denggi dilaporkan di kawasan ini. Daripada 1,014 premis diperiksa, 14 premis didapati mempunyai bekas pembiakan jentik-jentik manakala 26 kawasan awam turut ditemukan menjadi lokasi pembiakan," ujarnya.

Tambah beliau, di bawah akta berkenaan, kompaun sebanyak RM500 boleh dikenakan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



Covid-19 #kitamestimenang

Sabah catat kes penularan harian tertinggi semalam dengan 36 kes

# Kluster Ara di Pulau Pinang

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kluster Ara dikesan di Pulau Pinang membabitkan kes indeks iaitu seorang lelaki warganegara yang dikesan positif Covid-19 selepas saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Sandakan, Sabah pada 15 September lalu.

Pertambahan kes susulan kewujudan kluster baharu itu menjadikan daerah barat daya dan timur laut di Pulau Pinang bertukar ke zon kuning.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 44 tahun itu yang merupakan kes ke-10,024 disaring di PMA berikutan kedatangan individu tersebut dari semenanjung.

Beliau berkata, saringan kontak rapat seterusnya mendapati anak saudara perempuannya berusia tujuh tahun iaitu kes ke-10,217 positif Covid-19 kelmarin dan dirawat di Hospital Pulau Pinang.

Menurutnya, kes tersebut selain empat kluster aktif di Sabah antara penyumbang kepada kes baharu Covid-19 semalam dengan 52 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 10,219.



GAMBAR fail menunjukkan petugas kesihatan melakukan kerja sanitasi dan disinfeksi bagi mengekang penularan pandemik Covid-19. – SHAHIR NOORDIN

"Daripada jumlah kes baharu semalam, sebanyak 40 kes adalah penularan tempatan, manakala 12 lagi adalah kes import," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, Sabah merekodkan kes tertinggi Covid-19 semalam dengan 36 kes adalah daripada Kluster Benteng LD, Selamat, Pulau dan Bakau.

Beliau berkata, sebanyak 27 kes baharu dilaporkan di Kluster Benteng LD menjadikan jumlah kes positif dalam kluster itu sebanyak 578 kes.

"Daripada jumlah itu, 287 kes membabitkan warga Malaysia, manakala 291 warga asing iaitu Filipina (191 kes) dan Indonesia (100 kes).

"Selain itu, dua lagi kes baharu dikesan di Kluster Selamat membabitkan dua kanak-kanak lelaki warga Malaysia berusia lima dan 11 tahun.

"Dua kes itu menjadikan jumlah keseluruhan tujuh kes positif dalam kluster ini," katanya.

Noor Hisham berkata, satu kes baharu dilaporkan dalam Kluster Bakau membabitkan wanita warga Malaysia berusia 24 tahun menjadikan sebanyak empat kes positif dalam kluster tersebut.

Katanya, Kluster Pulau turut melaporkan satu kes baharu melibatkan wanita warga Malaysia berusia 58 tahun menjadikan jumlah keseluruhan 15 kes positif Covid-19 dalam kluster itu.

"Pada masa sama, lima penularan tempatan dikesan di Sabah masing-masing satu kes hasil saringan komuniti Semporna (warga Malaysia), saringan prapembedahan di Hospital Lahad Datu (warga asing) serta saringan sebelum masuk kerja (warga asing) selain dua kes hasil saringan petugas kesihatan di Hospital Lahad Datu (warga Malaysia)," katanya.

"Tiga lagi kes penularan tempatan ialah di Kedah iaitu saringan komuniti di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran daerah Kota Setar melibatkan warga Malaysia," katanya.

Berhubung kes import, Noor Hisham berkata, 12 kes dilaporkan dengan lapan adalah dari India yang dikesan di Kuala Lumpur (3), Selangor (3) dan Labuan (dua).

"Baki empat kes mendapat jangkitan dari Bangladesh, Yemen dan Rusia yang dikesan di Kuala Lumpur selain Indonesia yang dikesan di Selangor," katanya.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 52 |
| Import: 12 Tempatan: 40 | |
| Pulih | 40 |
| Kematian | 0 |
| Masih dirawat | 734 |
| Jumlah kes sembuh | 9,355 |
| Jumlah kematian | 130 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **10,219** |

## Kementerian Kesihatan giat saring penduduk di PKPD

**PUTRAJAYA** – Sehingga kini seramai 13,591 individu di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Amanjaya di Sungai Petani Kedah telah disaring bagi Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam ujian saringan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan, daripada jumlah tersebut, 16 individu dikesan positif dan 13,575 individu negatif Covid-19.

"Kesemua 16 kes positif adalah warga Malaysia dan sebanyak 600 sampel ulangan telah diambil dari Zon Melor pada 19 September dan masih menunggu keputusan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

PKPD Amanjaya bermula 28 Ogos lalu melibatkan tiga zon di Amanjaya iaitu Zon Kenanga, Zon Mawar dan Zon Melor.

Tempoh PKPD di Zon Melor dilanjutkan sehingga 26 September depan selepas 13 kes baharu dikesan pada hari ke-13 PKPD dilaksanakan.

Noor Hisham berkata, seramai 17,954 individu telah disaring dalam kawasan PKPD Kota Setar yang bermula 11 September dan dijangka tamat 25 September ini.

"Sebanyak 17 kes dikesan positif selepas 13 September (Kluster Sungai 13 kes, 4 kes tidak terlibat dengan mana-mana kluster) dan kesemuanya warga Malaysia.

"Selain itu seramai 17,320 individu dikesan negatif manakala 617 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Berhubung PKPD di Penjara Tawau dan kuarters, beliau berkata, saringan kluster dijalankan meliputi seramai 6,345 individu, manakala 426 daripadanya dikesan positif.

"Seramai 4,120 individu dikesan negatif dan 1,799 individu masih menunggu keputusan," katanya.

PKPD di Penjara Tawau dan lapan kuarters bermula 11 September lalu susulan peningkatan kes dalam Kluster Benteng LD di Tawau.

## Laksana SJR kekang Covid-19

**TAWAU** – Polis melaksanakan sekatan jalan raya (SJR) di lapan lokasi sekitar daerah ini berkuat kuasa kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Peter Umbuas berkata, pelaksanaan SJR berkenaan adalah sebagai salah satu inisiatif pihak berkuasa dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19 yang menunjukkan peningkatan setiap hari.

"Walaupun jumlah kes awalnya hanya membabitkan tahanan dalam penjara namun kini terdapat juga kes sporadik yang dilaporkan berlaku di daerah ini.

"Situasi ini pastinya menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat," katanya menerusi satu kenyataan akhbar kelmarin.

Beliau berkata, antara lokasi SJR adalah di Kilometer 50, Jalan Tawau-Semporna; Batu 3, Jalan Apas; Batu 2, Jalan Apas; Jalan Kuhara, Jalan Tanjung Batu dan Jalan Chong Thien Vun.

Peter berkata, pihaknya juga kini melaksanakan SJR di dua lokasi lain yang menghubungkan Kalabakan-Tawau iaitu di Jalan Merotai-Kalabakan dan Road Check Point (RCP) Kalabakan.



PIHAK berkuasa membuat sekatan jalan raya bagi mengekang penularan Covid-19. – GAMBAR HIASAN

"Operasi ini membabitkan seramai 341 pegawai dan anggota terdiri daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

"Kerjasama orang awam amat diperlukan dalam memastikan kelancaran SJR sekali gus berjaya memutuskan rantaian penularan Covid-19," katanya.

Terdahulu, Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tetap menyatakan tiada keperluan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Tawau dan Lahad Datu walaupun daerah berkenaan mencatatkan bilangan kes Covid-19 yang tinggi.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



NOOR AZMI (dua dari kiri, berdiri) ketika menyertai Program Ride Merdeka dan Sambutan Hari Malaysia di Bagan Serai semalam.

Pakar psikiatri dan psikososial akan ditambah

# KKM tangani masalah kemurungan *frontliner*

Oleh WAT KAMAL ABAS

**BAGAN SERAI** – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan ujian saringan psikososial terhadap petugas barisan hadapan bagi menangani masalah kemurungan yang berlaku dalam kalangan mereka akibat kesan tugasan melawan pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, sekiranya ada petugas kesihatan dan barisan hadapan dikesan mengalami kemurungan serius kesan tugasan berkenaan mereka akan segera dirujuk kepada pakar.

"Pakar psikiatri dan pakar psikososial akan ditambah bagi memudahkan usaha menangani masalah itu.

"Kemurungan banyak berlaku ketika penularan wabak pandemik Covid-19 sehingga ada ketua keluarga kehilangan pekerjaan, perselisihan dalam keluarga, penderaan dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Ride Merdeka dan Hari Malaysia Parlimen Bagan Serai di Selinsing, di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Azmi berkata, hasil Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2019 menunjukkan 2.3 peratus atau 500,000 rakyat negara ini menghadapi masalah kemurungan.

"KKM juga telah mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) di setiap negeri sebagai satu inisiatif dalam mengatasi kemurungan dengan menyediakan khidmat saringan, rawatan dan pemulihan bagi mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental.

"Selain itu, kerajaan juga melaksanakan talian sokongan psikososial melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) dalam menangani perkara itu," katanya.

Katanya, terdapat lima buah negeri yang penduduknya menghadapi isu kemurungan iaitu Putrajaya dengan 5.4 peratus, Negeri Sembilan (5 peratus), Perlis (4.3 peratus), Sabah (4 peratus) dan Melaka (3.8 peratus).

"Manakala mengikut pecahan jantina pula, kaum wanita 2.6 peratus berbanding kaum lelaki 2 peratus," tambahnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

# 32 kematian akibat denggi di Johor

**JOHOR BAHRU** – Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Aman Rabu memaklumkan sebanyak 32 kematian dicatat di negeri ini akibat denggi bagi tempoh Januari hingga 12 September lalu.

Katanya, situasi itu menunjukkan angka yang membimbangkan kerana menyaksikan peningkatan ketara berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Setakat 12 September lalu, 8,707 kes denggi dilapor di negeri ini, iaitu peningkatan sebanyak 6.2 peratus kes dalam tempoh sama tahun lalu iaitu 8,200 kes.

"Kematian akibat denggi turut meningkat pada tahun ini iaitu sebanyak 32 kematian berbanding hanya 21 kematian tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Dr. Aman, dalam usaha mengekang penularan denggi, kerajaan negeri menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) telah melaksanakan Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI).

Katanya, OPPI merupakan aktiviti utama yang dijalankan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan turut membabitkan kerjasama pihak berkuasa tempatan, polis dan SWCorp.

"Semalam, JKNJ telah mengadakan aktiviti OPPI di kawasan wabak denggi Bandar Baru Uda yang dipilih kerana kurangnya kerjasama penduduk yang membenarkan premis mereka dimasuki untuk dibuat pemeriksaan tempat pembiakan Aedes.

"Sejak 1 Januari sehingga 12 September lalu, sebanyak 156 kes denggi telah dilaporkan daripada kawasan ini. Daripada 1,014 premis diperiksa, 14 premis didapati mempunyai bekas pembiakan jentik-jentik, manakala 26 kawasan awam turut ditemui menjadi lokasi pembiakan," ujarnya.

Tambah beliau, di bawah akta berkenaan, kompaun sebanyak RM500 boleh dikenakan dan sekiranya gagal membayar, pesalah boleh didenda di mahkamah maksimum RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL





OSMAN (dua dari kiri) memantau premis yang ditutup selepas melanggar syarat operasi ketika Op Tebah.

## 'Bar tersembunyi' tanpa lesen diserbu

**Kuala Lumpur:** Bukan hanya menyediakan minuman keras, tetapi 'bar tersembunyi' yang terletak di Jalan Petaling di sini, dilengkapi pintu dan kod keselamatan khusus untuk pelanggan tertentu.

Bar yang tersorok di tingkat satu bangunan perniagaan itu didapati beroperasi tanpa lesen serta melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Taktik digunakan pemilik premis itu bagaimanapun dikesan pihak berkuasa susulan serbuan dilakukan terhadap empat premis berasingan, malam kelmarin.

Serbuan menerusi Operasi Tegas Banteras Aktiviti Haram (Tebah) itu dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Osman Ismail berkata, operasi bermula jam 10 malam kelmarin hingga 1 pagi semalam membabitkan kekuatan 175 pegawai dan anggota DBKL hasil risikan sejak seminggu lalu.

## 17 'saja-saja' keluar rumah kena tahan

**Kuala Lumpur:** Seolah-olah pekak dan tidak mampu berfikir. Itu yang berlaku apabila 552 individu degil ditahan atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Majoriti ditahan membabitkan golongan 'kaki' pusat hiburan yang masih ingkar dan mahu berhibur walaupun ditegah keras kerajaan susulan pandemik Covid-19.

Susulan penahanan dalam tempoh 24 jam itu, 342 individu dikenakan kompaun manakala 180 direman.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, antara kesalahan dikesan adalah aktiviti dalam pub/kelab malam membabitkan 363 individu, ingkar penjarakan fizikal (81), tidak memakai pelitup muka (36) dan keluar rumah tanpa alasan munasabah di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seramai 17 individu.

# Pati positif Covid-19

*PGA tahan wanita bersama 26 warga asing lain di kolam udang*




Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

**Sabak Bernam**

Seorang wanita warga Indonesia yang ditahan Batalion 4 Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam Op Benteng di kawasan kolam udang di Sungai Nipah, Simpang Lima di sini, awal pagi kelmarin disahkan positif Covid-19.

Pegawai Pemerintah Batilion 4 PGA, Superintendan Zulafendy Hassan berkata, wanita berusia 45 tahun itu disahkan positif ketika menjalani ujian saringan di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ), di sini.

"Wanita terbabit yang juga pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan jam 3 pagi. Dia kemudian dimasukkan ke HTAJ," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sebelum itu menahan wanita berkenaan bersama 26 Pati lain termasuk seorang kanak-kanak.

